



Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/3/2013

Guna peralatan teknologi tinggi pantau pencerobohan di Sabah

Tambah aset kawal perairan

UM - 12/3/2013

Oleh KAMIL MASLIH
 pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Mac - Kerajaan perlu menambah aset dalam mengawal perairan negara di samping meningkatkan penggunaan peralatan berteknologi tinggi untuk memantau sebarang bentuk pencerobohan di negeri Sabah.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara, **Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak** berkata, ketumbukan tentera di negeri itu juga perlu ditambah untuk menjamin keselamatan dan meningkatkan kawalan.

"Dalam isu pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, saya melihat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di Sa-

bah perlu diperbesarkan untuk menjaga perairan dan persisiran pantai yang panjang.

"Bila wujud ancaman, kita tiada pilihan selain menambahkan peruntukan pertahanan kerana masalah keselamatan akan mengganggu-gugat pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di Sabah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



MOHAMED MUSTAFA

Semalam, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan perlu menjalankan satu kajian menyeluruh termasuk aspek keselamatan yang menyebabkan berlakunya pencerobohan kumpulan pengganas bersenjata.

Menurut Mohamed Mustafa, beliau menyokong penuh cadangan kajian menyeluruh itu dan berharap kelengkapan peralatan berteknologi tinggi akan diguna pakai untuk

Kaji aspek keselamatan - Dr. M

Oleh HAKIM ISMAIL
 pengarang@utusan.com.my

KLANG 10 Mac - Kerajaan perlu menjalankan satu kajian menyeluruh termasuk aspek keselamatan yang menyebabkan berlakunya pencerobohan kumpulan pengganas bersenjata di Sabah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan tersebut adalah penting bagi mengelakkan kawasan sempadan dan perairan negara daripada terus dicarabohi pihak kug terutamanya yang datang dari Filipina.

"Kita mendapati Sabah mempunyai pantai yang cukup panjang beribu-ribu dan susah untuk dijaga. Kadang-kala bot kayu dari Filipina boleh sampai dalam tempoh 15 minit sahaja dan mereka boleh lari berseribunyi dalam hutan balau sehingga sukar untuk dikesjar.

"Satu kajian perlu dibuat bagaimana menangani serangan seperti ini yang datang dari pulau-pulau Filipina. Kita kena ada peruntukan (termasuk penambahan anggota pasukan keselamatan) untuk memawasi kawasan perairan di Sabah."

alibor selepas menjadi tetamu jempuan Forum Strategik Masa Depan Bangsa Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah bekas, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor, Mahmud Katin.

Forum anjakan Jabatan Pelajaran Selangor itu dihadiri kira-kira 5,000 peserta yang kebanyakannya guru dari wakil pendahulu.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berpendapat, kerajaan masih berupaya menangani ancaman keselamatan.

perlawanan berkesan hasil yang diperolehi daripada keuntungan syarikat-syarikat milik negara seperti Maybank, Sime Darby dan Petronas.

"Saya yakin kerajaan akan memilikilah cukup wang untuk menambatkan keperluan yang akan ditentukan setelah ditajaj apa kelemahan menyebabkan serangan Sulu dan jika perlu, saya yakin kerajaan akan menambah peruntukan pertahanan," katanya.

perencanaan yang strategik. Lagipun, kita tidak tahu masa akan datang kerana kedaulatan tidak mengira kawan atau lawan," katanya.

(BN) tidak perlu melakukan gimik seperti pencerobohan di Lahad Datu kerana rakyat Sabah sentiasa menyokong kerajaan BN.

Menurut beliau, BN telah melahukan pilihan raya umum sebanyak 12 kali dan tidak pernah menggunakan cara kotor untuk menang.

"Kita dipilih oleh rakyat dan BN tidak mendapat sebarang keuntungan atau kerugian daripada sero-

perencanaan yang strategik. Lagipun, kita tidak tahu masa akan datang kerana kedaulatan tidak mengira kawan atau lawan," katanya.

KERATAN akhbar *Utusan Malaysia* semalam.

menjaga sempadan negara.

"Kita juga kena meningkatkan aspek risikan, dalam insiden Lahad Datu, penceroboh telah memperdayakan kita dengan menggunakan warga tua kerana rupanya mereka serius dan telah menyusup lebih awal," katanya.

Sementara itu, menurut Pengarah

Institut Kajian Indonesia, Thailand dan Singapura (ITS) Universiti Utara Malaysia, **Prof. Dr. Kamarulnizam Abdullah**, kerajaan perlu bertindak serius dalam menangani isu sempadan dan keselamatan negeri Sabah.

"Memang perlu pertambahan aset, kita perlu satu unjuran pembelian aset yang lebih canggih dan

perencanaan yang strategik. Lagipun, kita tidak tahu masa akan datang kerana kedaulatan tidak mengira kawan atau lawan," katanya.

Katanya, strategi khusus bukan hanya kepada meningkatkan tahap keselamatan sempadan tetapi juga dalam menyelesaikan masalah pendatang asing di negeri Sabah.